


KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-3-2013
M/S:
(B5)

Tok Isun-Isun dengan gesekan kreatifnya



KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17 - 3 - 2013

M/S:

(CB5)

Oleh NOORHAZAH RITA
GANGGAM AZLAN

utusanborneokk@gmail.com

BERMULA dengan mencebur i bidad tarian sampailah ke bidang ini, dia telah memberikan seluruh jiwa raganya kepada bidang seni.

Di satu sudut dia seperti orang biasa yang bekerja mencari nafkah untuk keluarganya, dia juga lah seniman kecil yang memperjuangkan alat muzik tradisi iaitu Isun-Isun yang kian lupsus di telan zaman

Orang yang diperkatakan itu adalah Tok Isun-Isun ataupun Masruh Saidik yang berasal dari kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah. Beliau dilahirkan pada 10 Mei 1961.

Dalam diam, beliau mempunyai pencapaian yang cukup membanggakan dalam seni, yang mana mungkin orang tidak pernah mengetahui atau mengambil peduli akannya.

Antara pencapaian beliau dalam industri seni ialah mewakili Lembaga Sukan dan Kebudayaan Sabah di Festival Tari Kebangsaan 1995 di Kuala Lumpur. Tahun seterusnya pula beliau mewakili Malaysia (Sabah) di Festival Culture Art and Tourism Foundation Bursa Turkiye.

Beliau juga pernah menyertai kumpulan Puteri Kudat dibawah bimbingan Encik Makuji di Pekan Teater 1997 peringkat kebangsaan di Kuala Lumpur.

Seterusnya, beliau pernah menyertai kumpulan Budayawan yang diketuai oleh Encik Rahman Gulam di Festival Tari Kebudayaan 1998 di Kuala Lumpur, serta kumpulan Art Collection yang diketuai oleh Encik Yusof Haji Ali di Festival Tari Kebangsaan di stadium Bandaraya Johor Bahru Darul Takzim 2003.

Beliau bekerja di Lembaga Sukan Negeri Sabah sebagai pengawal keselamatan. Di samping itu, beliau menjadi pemuzik dan penyanyi sambilan dalam bidang seni tradisional iaitu Isun-isun.

Selepas sahaja menjadi Johan di festival tari Kuala Lumpur, dari situlah beliau mula berjinak-jinak

mengesek biola. Pada mulanya, beliau tidak berapa pandai bermain biola atau isun-isun ini.

Seorang pegawai kementerian kebudayaan Kuala Lumpur telah berjumpa dengan beliau untuk bertanya kepada beliau apakah beliau pandai mengesek biola.

Beliau menjawab hanya sikit-sikit sahaja. Menurut pegawai itu, sekiranya beliau sudah menguasai gesekan biola itu, barulah beliau akan dipandang dalam industri ini.

Daripada kata-kata pegawai itu, beliau berazam untuk mempelajari biola serta gesekan yang pelbagai dengan lebih mendalam lagi sehingga kini. —

Seseorang seniman kecil yang dimaksudkan dalam lagu ciptaan Masruh iaitu Embo' Seniman ditujukan khas kepada Bapa Nafsar yang berasal dari Kuala Abai. Pasti ramai yang tidak mengetahui akan bapa Nafsar yang pandai mengesek ini kerana sikapnya yang merendah diri dan tidak suka menonjol itu.

Bapa Nafsar telah mengajar Masruh bagaimana cara untuk melagukannya dan membuat gesekan.

Kemudian, beliau belajar lagi gesekan baru iaitu gesekan kuda ragam daripada Ardi Sidek selama 3 bulan. Dulu, Ardi Sidek merupakan pakar gesekan biola pada tahun 80-an yang terkenal dalam lagu-lagu sama.

Isun-isun adalah persembahan gabungan gesekan biola dan nyanyian berbentuk pantun atau kalang. Yang menariknya, biola yang digunakan adalah biola buatan sendiri.

Menurut beliau, apa yang penting dalam bermain isun-isun ini adalah penghayatan. Kerana penghayatan yang baik akan mempengaruhi persembahan yang disampaikan kepada audiensi.

Baik penghayatan seseorang itu maka terhasillah persembahan yang menusuk kalbu.

Hidup ini seperti roda. Sekejap di atas, sekejap di bawah. Adakalanya pasang, adakalanya surut begitulah hidup

KERATAN: utusan Borneo

TARIKH: 17-3-2013
M/S:
(B5)

seorang seniman kecil ini. Sayangnya kalau orang seperti Masruh ini tidak dibantu.

Isun – isun salah satu muzik tradisi suku kaum bajau sama di daerah Kota Belud.

Pada zaman nenek moyang, isun-isun atau dalam loghat Bajau lebih dikenali sebagai "nget biula" merupakan satu alat hiburan yang sangat popular khususnya dalam kalangan masyarakat kaum Bajau.

Perkataan "nget" adalah bermaksud memotong atau menggesek biola. Oleh yang demikian, isun-isun dapat diertikan sebagai berpantun yang diiringi dengan gesekan biola.

Isun-isun menjadi suatu karya seni yang dirancang begitu rupa sehingga memancarkan nilai estetik tersendiri. Keindahannya boleh dilihat melalui susunan sajaknya yang berselang seling sehingga sekaligus mendukung alunan lagunya.

Adapun keindahan batinnya bergema dari kandungan lambang dan kiasan dalam setiap langkah dan barisnya. Inilah peninggalan pusaka nenek moyang mewariskan kepada kita dari pujangga tak bernama,

Ketika hendak mempersembahkan isun-

Isun – isun salah satu muzik tradisi suku kaum bajau sama di daerah Kota Belud. Pada zaman nenek moyang, isun-isun atau dalam loghat Bajau lebih dikenali sebagai "nget biula" merupakan satu alat hiburan yang sangat popular khususnya dalam kalangan masyarakat kaum Bajau. Perkataan "nget" adalah bermaksud memotong atau menggesek biola. Oleh yang demikian, isun-isun dapat diertikan sebagai berpantun yang diiringi dengan gesekan biola.

isun
ini, beliau
lebih gemar menggunakan
biola yang dibuat sendiri.

Daripada hasil gesekan kreatif Masruh sudah mencipta lagu puisi sebanyak 23 buah puisi ciptaan penyair yang cukup berbakat.

Antara lagu puisi yang telah dicipta sendiri beliau adalah cukup ra'at nasibku, embo seniman, embo seniman 2, resoh soroh hataiku dan zapin sama.

Terdapat beberapa puisi lagu yang di nyanyikan beliau semasa membuat persembahan antaranya bingkai angan, lepaslah, tari kita (Rubiah Nordin), masihkah kau bermain seruling (Zurinah Hassan), Cinta seorang lelaki dan sebuah gambar (Mabulmaddin Shaddin), terima kasih pamanku (Amil Jaya) dan beberapa orang lagi yang dilakukan oleh Masruh sendiri yang diiringi

gesekan biola
olehnya sendiri.
Lagu ciptaan Masruh sendiri iaitu Embo Seniman telah menjadi Johan dalam pertandingan mencipta lagu-lagu sama sama anjuran pebatas daerah kota marudu dalam kategori muzik tradisional pada tarikh 7/5/2011.

Masruh adalah satu-satunya pemuzik isun-isun yang menghasilkan pelbagai gesekan kreatif yang menyanyikan lagu puisi dengan alunan isun-isun.

Baru-baru ini, beliau pernah menyertai ujibakat program Mimpi ke Bintang tetapi beliau tidak terpilih ke peringkat seterusnya. Beliau akur akan komen yang diberikan oleh para juri.

Gesekan harus diambil berat begitu juga dengan sebutannya. Sesetengah pemuzik yang yang mendendangkan isun-isun tidak menyebut dengan jelas setiap butir kata.